

Bil. S 11

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) (BIL. 3), 2002**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 20 haribulan Mei, 2000 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, sembilan puluh dua juta, lima ratus enam belas ribu dan satu ratus sembilan puluh ringgit (\$4,092,516,190.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2001) 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lapan juta, lapan ratus enam puluh empat ribu, tujuh ratus lapan puluh dua ringgit dan empat puluh enam sen (\$8,864,782.46) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 1), 2001;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh dua juta, sembilan ratus enam puluh lapan ribu, sembilan ratus dua puluh satu ringgit dan lima puluh lapan sen (\$22,968,921.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 2), 2001;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak satu juta, sembilan ratus sembilan ribu, tujuh ratus empat ringgit dan dua puluh enam sen (\$1,909,704.26);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 3), 2002.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2001, memperuntukkan dan penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari satu juta, sembilan ratus sembilan ribu, tujuh ratus empat ringgit dan dua puluh enam sen (\$1,909,704.26) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2001 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2001), 2000, Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 1), 2001 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 2), 2001 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah ceraihan (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959 adalah dengan ini dibenarkan.

**JADUAL**

| [1]   | [2]                                          | [3]                                          | [4]                                                        |
|-------|----------------------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| Tajuk | Gelaran                                      | Jumlah Yang<br>Diperuntukkan<br>Kepada Tajuk | Penggantian<br>Pendahuluan Dari<br>Kumpulanwang<br>Gagasan |
|       |                                              | \$                                           | \$                                                         |
|       | KEMENTERIAN HAL EHWAL<br>LUAR NEGERI         |                                              |                                                            |
| S.C1  | Jabatan Kementerian Hal Ehwal<br>Luar Negeri | \$1,105,012.00                               | \$1,105,012.00                                             |
|       | KEMENTERIAN KEWANGAN                         |                                              |                                                            |
| S.D52 | Perkhidmatan Rampaian                        | \$300,000.00                                 | \$300,000.00                                               |

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

| [1]                        | [2]             | [3]                                                | [4]                                                              |
|----------------------------|-----------------|----------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| Tajuk                      | Gelaran         | Jumlah Yang<br>Diperuntukkan<br>Kepada Tajuk<br>\$ | Penggantian<br>Pendahuluan Dari<br>Kumpulanwang<br>Gagasan<br>\$ |
| KEMENTERIAN<br>PERHUBUNGAN |                 |                                                    |                                                                  |
| S.N7                       | Jabatan Telekom | \$504,692.26                                       | \$504,692.26                                                     |
|                            |                 | <u>\$1,909,704.26</u>                              | <u>\$1,909,704.26</u>                                            |

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Muharam, 1423 Hijrah bersamaan dengan 19 haribulan Mac, 2002 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**